

14 JULY 2000
BERJAYA-UNIVERSITI
BERJAYA NAK TUBUH UNIVERSITI IT

BENTONG, 14 Julai (Bernama) -- Berjaya Group Bhd, Informativ Holdings Ltd of Singapore dan Tadmansori Holdings Sdn Bhd akan menubuhkan sebuah universiti teknologi maklumat (IT) di Bukit Tinggi dekat sini dengan melibatkan pelaburan awal berjumlah RM10 juta.

Satu perjanjian usaha sama telah ditandatangani hari ini antara ketiga-tiga syarikat tersebut bagi melaksanakan projek tersebut. Upacara menandatangani perjanjian ini telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiap satu daripada ketiga-tiga pihak tersebut telah bersetuju untuk masing-masing mengambil 30 peratus kepentingan dalam usaha sama tersebut, yang akan memiliki dan menguruskan universiti berkenaan. Satu rakan kongsi strategik akan dicari bagi memiliki baki 10 peratus kepentingan dalam usaha sama itu.

Kesudahannya kelak, sebuah usaha sama baru akan ditubuhkan bagi mengendalikan universiti yang masih belum diberikan nama itu, kata pengarah urusan kumpulan Tadmansori, Tengku Dr Rethwan Tengku Mansor pada upacara tersebut.

Di bawah perjanjian yang ditandatangani hari ini, Informativ akan bertanggungjawab bagi penyusunan struktur operasi dan pengurusan universiti tersebut.

Ia juga akan menyediakan garis dan kandungan korikulum serta bertanggungjawab bagi aspek pemasaran.

Berjaya akan bertanggungjawab bagi promosi serta menyediakan prasarana fizikal kampus induk universiti itu.

Universiti yang dicadangkan ini akan menawarkan program lengkap ijazah dan lepasan ijazah termasuk perniagaan, IT dan kejuruteraan dengan memberi penekanan kepada R&D.

Universiti yang tertakluk kepada kelulusan pihak-pihak berkenaan ini, akan dimajukan dalam dua peringkat dan mempunyai dua kampus fizikal dan sebuah kampus siber.

Dalam peringkat pertama, universiti ini akan mengadakan sebuah kampus bandar di Kuala Lumpur, dan sebuah kampus siber yang berfungsi penuh.

Kedua-dua kampus akan memenuhi keperluan pelajar-pelajar tempatan dan antarabangsa.

Katanya, pada masa yang sama, pembinaan kampus induk universiti tersebut akan bermula di Pusat Peranginan Bukit Tinggi, Pahang, yang boleh menampung lebih 10,000 pelajar.

Dalam satu sidang akhbar yang diadakan kemudiannya, pengarah eksekutif kumpulan Berjaya, Freddie Pang berkata pengambilan pertama akan bermula pada bulan Januari tahun depan dengan sasaran 750 pelajar dalam tahun pertama ia beroperasi.

-- BERNAMA
ZMY KY ZK